

Jakim lancar Sistem Pengurusan Sijil Halal

PUTRAJAYA 30 Mac - Jabatan Kema-juan Islam Malaysia (Jakim) akan melancarkan Sistem Pengurusan Sijil Halal (HCMS) yang pertama di dunia khusus untuk kegunaan badan-badan pensijilan halal seluruh dunia.

Pengarah Bahagian Hab Halal Jakim, **Hakimah Mohd. Yusof** berkata, HCMS amat penting bagi memastikan badan-badan pensijilan antarabangsa dapat menguruskan standard pensijilan halal mereka dengan lebih sistematik.

Beliau berkata, HCMS yang dibangunkan bersama DagangHalal Berhad itu merupakan penambahbaikan kepada Halal Verification Enginev (HVE) dan berperanan untuk mempercepatkan proses pengesahan sijil halal.

"Sijil yang dikeluarkan melalui HCMS mempunyai ciri keselamatan yang amat ketat di samping meningkatkan kecekapan semasa menjejaki puluhan ribu sijil halal yang telah dikeluarkan.

"Salah satu ciri keselamatan khusus HCMS adalah kod pada sijil halal yang membantu badan pensijilan halal untuk mengenal pasti ketulenan sijil bagi mengelakkan pemalsuan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri Konvensyen Badan Pensijilan Halal 2015 di Pusat Konvensyen Antara-bangsa Putrajaya (PICC) hari ini.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif DagangHalal Berhad, Mo-

hamed Hazli Mohamed Hussain.

Menurut Hakimah, HCMS akan dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom bersempena dengan majlis Pelancaran Konvensyen Badan Pensijilan Halal 2015 malam ini.

Sementara itu **Mohamed Hazli** berkata, HCMS adalah sistem interaktif yang dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang sangat ketat dan berupaya mengendalikan transaksi data berskala besar dengan lancar, cekap, produktiviti dan mengurangkan kos.

Katanya, HCMS merupakan aplikasi web yang tidak memerlukan perisian pelanggan untuk memasang atau memuat turun dengan sistem itu boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja serta menawarkan pelbagai ciri mesra pengguna.

"Melalui sistem HCMS, badan pensijilan halal luar negara dapat mengurangkan aliran kerja pemprosesan pengeluaran sijil halal berbanding sistem simpanan fail secara tradisional, mereka juga boleh memantau dan menguruskan kitaran hayat sijil halal dengan cara yang lebih berkesan.

"DagangHalal Berhad melalui *DagangHalal.com* merupakan platform tunggal yang boleh dipercayai oleh umat Islam di seluruh dunia untuk mencari sumber, berniaga dan mempromosikan produk serta perkhidmatan halal secara meluas," katanya.